



# Fiesta World Cup 2010 Di UMS

Oleh Salbinous Saribun

Lebih seribu orang membanjiri Dataran Dewan Canselor UMS bagi menyaksikan perlawanan Akhir Piala Dunia Awal pada awal pagi 12 Julai lalu, sempena Fiesta World Cup 2010 anjuran KKFM dan Unit Sukan dan Rekreasi UMS.

Program yang berlangsung bermula pada malam 11 Julai ini telah memberi peluang kepada pelajar baru UMS untuk merasai kemeriahan Piala Dunia 2010 yang berlangsung di Afrika Selatan. Pengunjung dapat merasai bahang perlawanan akhir piala dunia di antara Sepanyol dan Belanda melalui paparan skrin gergasi yang tersedia.

Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi menghiburkan para pengunjung yang hadir sebelum tayangan bermula. Antaranya pertunjukan menimang bola, pertandingan sepakan penalti, persembahan karaoke dan

persembahan Artis-artis Sabah serta selebriti KKFM.

Turut diadakan persembahan Audio Sistem kereta dari Street Audio. Fiesta World Cup ini turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

